

## 18 premis tumpuan utama dipantau secara harian

2020-03-18T09:37:14+08:00  
oleh Norwahida Yamaluddin



**PERIKSA:** Antara premis yang diperiksa.

**LAHAD DATU:** Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daerah akan membuat pemantauan rapi di 18 premis utama yang menjadi tumpuan kunjungan ramai di sini mulai hari ini.

Menurut Ketua Cawangannya, Muntahar Asmarah, tujuan pemantauan itu bagi memastikan barang keperluan harian termasuk barang kawalan mencukupi untuk kegunaan pengguna yang akan memulai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hari ini," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, 18 premis tersebut itu ialah Pemberong Tiga Jaya, Auliah Store Sdh Bhd, LD Cemerlang Trading Sdn Bhd, Mustak Trading, Pemberong Wilayah, Kedai Mawar, Wangsa Global, Felda Trading, Tong Guan, Pemberong Ida, Pemberong Keng Seng, Pemberong Sari, Harus Gemilang, Survey Hypermarket, Ramai-Ramai Supermarket (Bandar), Ramai-Ramai Supermarket (Ipeak), Econsave dan Milimewa.

"Mana-mana premis di daerah ini juga diingatkan mematuhi peraturan sedia ada dan sekiranya ingkar boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Muntahar berkata, satu pusat gerakan dibuka untuk menerima sebarang aduan pengguna dengan menghubungi 089-886090.



**MUNTAHAR.**

Katanya, pelbagai masalah kepenggunaan termasuk kekurangan barang yang dijual di premis yang dikunjungi boleh diadukan ke talian telefon tersebut bermula jam 8 pagi hingga 10 malam.

"Pengguna perlu ingat setiap aduan berkaitan yang memerlukan bukti pembelian, masa dan tempat kejadian perlu disimpan dan diserahkan sekiranya diperlukan terutama untuk tindakan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 1972," katanya.

Mengulas lanjut mengenai bekalan keperluan topeng muka, pencuci tangan (hand sanitiser) dan beras di pasaran, Muntahar berkata beras mencukupi melainkan topeng muka dan pencuci tangan.

Beliau telah bertindak dengan menyarankan kepada pihak pemberong untuk selalu berhubung dengan pembekal topeng muka dan pencuci tangan agar barang itu dapat dibekalkan dengan segera kerana ianya amat diperlukan pengguna.

Berkaitan maklumat dan aduan di media sosial, menurutnya, masyarakat di daerah ini dapat menyalurkannya ke talian aduan disediakan agar pihaknya dapat melakukan pemantauan dan tindakan yang sepatutnya.

"Kita bukan tidak bertindak sekiranya ada melihat aduan di media sosial tetapi dalam kes tertentu beberapa maklumat lanjut kami perlukan sebelum sebarang tindakan dilakukan.

"Jadi saya berharap dan menyeru salurkanlah aduan permasalahan anda terutama berkaitan bekalan barang keperluan dengan berhubung dengan kami di talian telefon bilik gerakan yang disediakan," katanya.

